

# UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1999/2000

Februari 2000

BBT 205/3 - Biologi Rumpai

Masa : [3 jam]

---

Jawab LIMA daripada ENAM soalan yang diberikan, dalam Bahasa Malaysia.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

---

....2/-

[BBT 205/3]

1. Dengan kawalan dan pengurusan rumpai yang baik dan berkesan, Malaysia telah dapat menghasilkan getah yang bermutu tinggi. Jelaskan dengan terperinci bagaimana spesies-spesies rumpai dikawal di ladang getah dengan menggunakan jenis-jenis racun rumpai tertentu.

(20 markah)

2. Terdapat dua spesies rumpai akuatik yang sangat noksius dan tersebar meluas di seluruh dunia.

(i) Namakan satu spesies rumpai noksius yang terendam dan satu yang terapung.

(5 markah)

(ii) Bandingkan kitar hidup kedua-dua spesies rumpai yang dinamakan di atas, serta kaedah pengawalan spesies-spesies tersebut.

(15 markah)

3. Sambau (*Echinochloa crus-galli*) merupakan rumpai yang boleh mengurangkan hasil padi di kawasan tanaman padi tabur terus. Dengan gambarajah yang sesuai jelaskan masa genting ('critical period') persaingan rumpai ini dengan padi (*Oryza sativa*) sehingga menjejaskan hasil padi 100%.

(20 markah)

4. (i) Jelaskan **tiga** (3) cara tindakan racun rumpai.

(10 markah)

(ii) Berikan contoh-contoh spesies rumpai yang boleh dikawal untuk setiap cara tindakan racun rumpai di atas.

(5 markah)

(iii) Namakan jenis-jenis racun rumpai bagi setiap cara tindakan racun di atas.

(5 markah)

.../3-

[BBT 205/3]

5. Pengurusan rumpai bersepadu ('Integrated Weed Management'; IWM) telah banyak digunakan di agroekosistem. Jelaskan maksud kawalan rumpai bersepadu dan bagaimana ia dijalankan di agroekosistem sawah padi.

(20 markah)

6. Dengan berpandukan "Harris's Scoring Point", jelaskan dengan terperinci bagaimana *Salvinia molesta* dapat dikawal dengan berkesan di Papua New Guinea dan Sri Lanka.

(20 markah)

- oooOooo -